



Perhimpunan Staf UPM Tingkat Integriti

*Antara staf UPM yang mengikuti senam tari yang diadakan baru-baru ini.*

SERDANG, 30 April – Bahagian Komunikasi Korporat Universiti Putra Malaysia (UPM) telah mengadakan Perhimpunan Staf UPM buat kali kedua tahun 2009 bagi meningkatkan integriti staf di Dewan Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz (PKKSSAAS) baru-baru ini.

Ketua Bahagian Komunikasi Korporat UPM, Abdullah Arshad berkata program perhimpunan tersebut dilaksanakan untuk meningkatkan integriti staf UPM di samping mengerakkan silaturrahim.

Pada perhimpunan itu, Pembacaan Ikrar Integriti Perkhidmatan Awam yang mempunyai kandungan memupuk nilai benci kepada amalan rasuah telah diketuai oleh Bendahari UPM, Zulkifli Othman dilikti 1000 staf yang hadir.

Bacaan ikrar itu menekankan perlunya staf bekerjasama dengan pelbagai pihak untuk memerangi sebarang perlakuan jenayah rasuah dengan tindakan tegas terhadap individu yang cuba menggugat integriti dan imej pegawai awam.

Ikran itu juga menekankan pematuhan kod etika jabatan dan mengamalkan nilai murni yang berteraskan ajaran agama ketika melaksanakan tugas.

Pada perhimpunan staf itu juga diadakan aktiviti Senam Seni yang diketuai oleh dua Jurulatih Jabatan Kebudayaan Kesenian Negara, Mohd Rizal Ismail dan Nor Dalila Abdullah dengan dilikti penuh semangat oleh semua staf UPM ketika mengikuti tarlan yang menggunakan lagu Melayu Asli dan Irama Malaysia.

Senam Seni merupakan kaedah baru penjagaan kesihatan melalui aktiviti senaman yang menggabungkan senaman aerobik dan gerakan tarian tradisional sebagai sebahagian daripada elemen senaman untuk penjagaan kesihatan.

*Staf UPM mencuba tarian senam seni sebagai satu aktiviti riadah yang sihat.*

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.